

Jalalah al-Malik al-Mu‘azzam Faisal bin Abdulaziz al-Saud

Tatkala menghadiri persidangan Afro-Asia yang diadakan di Bandung dahulu Jalalah al-Malik Faisal bin Abdulaziz al-Saud yang pada masa itu menjawat jawatan Putera Mahkota dan Perdana Menteri merangkap jawatan Menteri Luar Kerajaan Arabiyyah Saudiyyah, telah singgah di Singapura dan pada masa itulah penulis berpeluang, bagi pertama kali mengadap baginda kemudian pada kali yang kedua, pada tahun 1961 sekali lagi penulis dapat peluang mengadap di Taif iaitu pada ketika al-Malik tidak memegang sesuatu jawatan dalam pemerintahan terbit daripada perselisihan faham diantaranya dengan kekandanya al-Malik al-Saud.

(Oleh Edrus)

Pada tahun 1964 sekali lagi penulis berpeluang mengadap baginda di Jeddah iaitu tatkala baginda memegang jawatan selain daripada Putera Mahkota, menjadi juga Perdana Menteri dan Menteri Luar Kerajaan ‘Arabiyyah Saudiyyah. Tiga kali perjumpaan inilah dapat sedikit sebanyak penulis menjelaskan perihal baginda dan perasaan rakyatnya terhadap kepada baginda iaitu sebelum baginda menjadi Raja yang memerintah menggantikan kekandanya yang telah uzur itu.

Keadaan baginda adalah sangat sederhana dan tidaklah ada pengawal-pengawal yang banyak di sekeliling baginda. Pengawal diri baginda ialah seorang pengawal yang ikut bersama-sama baginda tatkala tiba di Singapura dulu – itulah seorang yang hampir kepadanya. Tatkala memegang jawatan Perdana Menteri dan dalam masa menerima kunjungan-kunjungan atau ketibaan-ketibaan orang yang mengadap, baginda duduk di sebuah penjurong di atas sebuah kerusi yang sama di sekeliling bilik mengadap itu. Tatkala didalam penghadapan itulah juga segala surat-surat yang ditujukan kepada baginda dibuka satu persatu olehnya sendiri dan mana-mana yang perlu mendapat jawapan segera, pada ketika itu juga diperintahkan untuk menjawab surat-surat itu kepada setiasaha sulitnya.

Kesederhanaan ini adalah sangat menarik dan ramah mesranya pula sangat mengikat. Baginda dikatakan tegas terhadap kakitangannya supaya bertugas dengan wajarnya di dalam menjalankan kewajipan masing-masing. Di dalam masa baginda memerintah, kakitangan-kakitangan kerajaan sangat berjaga-jaga sebab terkadang-kadang dengan tidak memberitahu lebih dahulu baginda datang ke sesuatu pejabat untuk memeriksa pelaksanaan di pejabat itu. Ketibaannya tidak pula disambut dengan kawalan-kawalan tentera yang banyak tetapi memadai dengan pengawal tubuhnya sendiri. Baginda dikatakan juga datang tawaf di Ka‘bah hanya dengan pengawal peribadinya sahaja.

Rakyat, terutamanya orang-orang Hijaz sangat bergembira sungguh apabila baginda memegang teraju pemerintahan dan menjadi raja sebab keadaan tidak sama seperti keadaan kakanda baginda di dalam mentadbirkan negeri. Baginda telah banyak melihat dan mengetahui perkembangan-perkembangan di luar tanah air dan baginda mengetahui betapa mustahaknya penyusunan negara mengikut peredaran masa. Pembangunan-pembangunan dan perusahaan-perusahaan adalah menjadi suatu perkara yang mesti diatur dan keselamatan serta kesejahteraan rakyat adalah menjadi tugas baginda yang sangat besar supaya berfaedah kepada rakyat dan supaya rakyat cinta



Ketibaab Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong disambut oleh askar-askar kawalan ketika tiba di padang kerana

bersembahyang Hari Raya baru-baru ini. Baginda akan menunaikan fardu Haji tahun ini dan akan menjadi

Dhif kepada Jalalah al Malik al Mu'azzam bin Abdul al Aziz, bagi kerajaan Arabiah Saudiah pengawal dua tanah haram.

dan kasih kepada baginda terutamanya dalam menghadapi suasana yang mengelilingi negara Arabiyyah Saudiyyah telah banyak cenderung kepada pengertian sosialis dan membenci kepada pemerintahan beraja.

Dengan kebijaksanaan baginda maka dapat rasa persaudaraan seluruh negara Arab dibina dengan baginda mengambil peranan yang sangat penting di dalam langkah-langkah ini – itulah dasar yang dijalankan baginda keluar. Dasar ke dalam adalah mengutamakan keutamaan-keutamaan rakyat jelata yang dengannya baginda menghambat hati rakyat lebih hampir kepada kasih sayang di antara sesama mereka dan mengetahui bencana yang bakal menimpa negara itu sekiranya pengertian sosialis dapat mencegah masuk ke sana.

Kepada seluruh negara-negara Islam barangkali boleh

dikatakan tidak ada sebuah kerajaan Islam yang memberikan bantuan meteri sebegitu banyak kepada sumbangan Islam yang boleh menandingi kerajaan Arab Saudiyyah. Ini sememangnya padan kerana Tanah Hijaz menjadi tumpuan seluruh dunia Islam dan menjadi tempat berhimpun umat Islam.

Semenjak dari pemerintahan ayahanda baginda sehingga kepada baginda sendiri penyelenggaraan dan pengorbanan yang diberi untuk kesenangan orang-orang haji adalah dilakukan dengan memuaskan. Bagi orang yang kerap menunaikan haji dapat melihat sendiri akan perubahan-perubahan yang dijalankan dari tahun ke tahun oleh kerajaan baginda.

Seluruh umat Islam akan yakin perkembangan pemerintahan kerajaan Arabiyyah Saudiyyah akan bertambah maju

dan akan teratur dengan pentadbiran-pentadbiran yang lebih banyak dan lebih bagus di dalam pemerintahan baginda. Ini bukan sahaja bermanfaat kepada umat-umat Islam di kerajaan Arabiyyah Saudiyyah tetapi juga kepada seluruh umat Islam di merata dunia.

Mudah-mudahan tuhan lanjutkan usia sihat ‘afiat, aman ma‘mur seluruh umat Islam di dalam masa pemerintahan baginda. ————— oOo —————

Menghormati Sesama Manusia

Suatu jenazah telah diusung orang. Kebetulan orang-orang yang mengusungnya lalu di hadapan Nabi (S.A.W). Nabi pun berhenti dan tidak berbuat apa-apa sehingga jenazah itu telah jauh. Maka sahabat-sahabatnya pun bertanya mengapa berhenti walhal jenazah itu orang Yahudi. Sabda Nabi (S.A.W), “*alāstu nafsān?*” Ertinya: “Bukankah Dianya juga manusia?”

* * *

Kata-kata yang Bererti

*Perkahwinan: adalah sebaik-baik jalan untuk meneruskan hidup, bagi orang yang tak sanggup lagi untuk hidup.

*Orang yang membujang: dekat benar dengan berbagai kesalahan, tetapi sangat jauh dari juru nikah.

*Keburukan kaya: jika saudara – telah menjadi kaya – terpaksa mesti hidup dengan orang yang kaya.

*Pemandu kereta yang berakal: iaitu orang yang memandu keretanya dengan kecepatan yang sederhana dalam beberapa batu sahaja – selepas dia melihat suatu pelanggaran dalam perjalanannya.

BUKU2 RUMI

- a. Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:
1. Tunas Baru (ABC) Abd Rahman H. Said \$ 1.50
 2. Tunas Baru I \$ 1.50
 3. Tunas Baru I, III, IV \$ 1.50
 4. Senang Bacha I dan II, Hassan Basri \$ 0.80
- b. Buku2 Bacaan Tambahan untuk Sekolah Rendah:
1. Kuching Hitam oleh A.H. Edrus \$ 0.30 sen
 2. Peristiwa Hari Sabtu 30 sen
 3. Nabi Sulaiman dengan Semut 30 sen
 4. Lutong Sakti I dan II 35 sen
 5. Karun Dengan Harta-nya 35 sen
 6. Pekebuan yang Tama’ 35 sen
 7. Lembu Chantek 35 sen
 8. Kesah Minangkabau 40 sen
 9. Sutan Balun 40 sen
 10. Puteri Balqis 45 sen
 11. Penduduk Gua 50 sen
 12. Sebab Harimau 50 sen
 13. Cherita Burong Hantu 75 sen
 14. Nakhoda Dengan Datok Perpatih 30 sen
 15. Si-Buta 40 sen
 16. Mimpi 35 sen
 17. Si-Pengail 45 sen
 18. Sulaiman Nujum 50 sen
 19. Raja Ikan 50 sen
 20. Mangga Hikmat 75 sen
 21. Angsa dan Burong Merak 45 sen
 22. Abu Hassan Ganjil \$ 1.00 sen
 23. Ayam dan Musang 35 sen
 24. Raja Bersiong (A. Ghani Abbas) 45 sen
 25. Lang Dengan Ayam (Ira Mara) 30 sen
 26. Ikan Puyu 40 sen
 27. Semut Membalas Budi 35 sen
 28. Katak Yang Hina 40 sen
 29. Bangau Dengan Singa 35 sen
 30. Badak Dengan Seladang 40 sen
 31. Si-Amang Dengan Kaksasa 35 sen
 32. Kijang Yang Cherdek 40 sen
 33. Pertengkaran Bangau dengan Belibis 35 sen
 34. Buaya dengan Landak 35 sen

Pesan kepada:—

QALAM
356/8 Geylang Road,
Singapura, 14.